

apa berhubung dengan sembahyang, tentu aku ceritakan kepadamu. Tetapi sesungguhnya aku ini manusia sepertimu. Aku boleh terlupa seperti mana kamu boleh terlupa. Maka apabila aku terlupa, ingatkanlah aku. Sekiranya seseorang dari kalangan kamu syak di dalam sembahyangnya, hendaklah dia (cuba) memastikan yang betul, lalu menyempurnakannya berdasarkan yang dipastikan itu. Kemudian memberi salam dan bersujud dua kali.”⁵²⁴

بَابُ مَا جَاءَ فِي الْقِبْلَةِ وَمَنْ لَمْ يَرِ الْإِعَادَةَ عَلَى مَنْ سَهَا فَصَلَّى إِلَى غَيْرِ الْقِبْلَةِ وَقَدْ سَلَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رُكْعَتَيْ الظُّهْرِ وَأَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ
يُخْبِرُهُمْ أَنْتُمْ مَا بَقِيَ

5- Bab Tentang Qiblat Dan Orang Yang Berpendapat: "Orang Yang Terlupa Sehingga Bersembahyang Dengan Tidak Menghadap Ke Arah Qiblat, Tidak Perlu Mengulangi Sembahyangnya." Pernah Nabi S.A.W. Memberi Salam Pada Dua Raka'at Zuhur, Lalu Menghadap Ke Arah Orang Ramai (Para Ma'mum). Selepas Itu Baginda S.A.W. Menyempurnakan Sembahyangnya Yang Tertinggal.⁵²⁵

⁵²⁴ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Para nabi a.s. boleh terlupa dalam melakukan sesuatu perkara yang termasuk di bawah tugas mereka sebagai muballigh. Tetapi mereka tidak dibiarkan terus terlupa sehingga terjejas ajaran Allah yang harus disampaikan kepada ummat. Justeru Allah dengan apa cara pun pasti akan mengingatkan nabiNya yang terlupa tentang perkara-perkara seperti itu dalam masa yang hampir. Adapun terlupanya para nabi a.s. dalam perkataan atau ucapan yang termasuk di bawah tugas mereka sebagai muballigh, maka ijma' para 'ulama' tentang tidak mungkin keadaan itu berlaku. (2) Banyak sekali terdapat hikmat dan rahsia di sebalik terlupanya para nabi a.s. dalam perkara-perkara yang harus kepada mereka. Antara yang terpentingnya ialah membuktikan kemanusiaan dan kehambaan mereka, selain menyatakan hukum agama dalam bentuk yang hidup dan realistik. (3) Berhenti bersembahyang dengan anggapan telah menyempurnakannya tidaklah memutuskan sembahyang dan membatalkannya. Seseorang yang mengalami keadaan seperti ini dikehendaki menambah mana yang kurang daripada sembahyangnya lalu bersujud sahwi kerananya. (4) Seseorang harus menyambung sebahagian daripada sembahyangnya yang ditinggalkan kerana terlupa walaupun telah bercakap-cakap. (5) Hadits ini merupakan salah satu dalil bagi mazhab Malik, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama' dari kalangan Salaf dan Khalaf, termasuk Imam Bukhari tentang sahnya sembahyang orang yang menambahkan raka'at sembahyang atau lain-lain perbuatan sembahyangnya dengan terlupa. Jika dia teringat sebelum memberi salam, maka eloklah dia bersujud sahwi. Jika dia teringat tidak lama selepas memberi salam, elok juga dia bersujud sahwi. Tetapi sekiranya dia baru teringat setelah lama memberi salam, maka tidaklah perlu lagi dia bersujud sahwi. Sujud sahwi itu sendiri kepadanya hanyalah suatu yang mustahab, bukan wajib. (6) Pergerakan yang bukan merupakan pergerakan sembahyang walaupun banyak, tidak membatalkan sembahyang jika ia berlaku dengan sebab terlupa. (7) Mengikut hadits ini sujud sahwi dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sebelum memberi salam. Tetapi di akhirnya Baginda s.a.w. mengarahkan supaya bersujud sahwi selepas memberi salam. Perbezaan dalam perbuatan dan arahan Nabi s.a.w. yang seperti inilah membuatkan para 'ulama' berbeza pendapat dalam masalah sujud sahwi, sama ada ia perlu dilakukan sebelum memberi salam atau selepasnya. (8) Rasulullah s.a.w. berpesan agar diingatkan apabila baginda terlupa. Orang-orang lain tentulah lebih-lebih lagi perlu diingatkan. (9) Orang-orang yang mengalami syak di dalam sembahyang, dianjurkan supaya berusaha memastikan yang betul lalu menyempurnakannya mengikut apa yang dipastikan olehnya. (10) Rasulullah s.a.w. tidak akan berdiam diri jika ada berlaku apa-apa perubahan pada mana-mana hukum agama seperti sembahyang dan lain-lain.

⁵²⁵ Syah Waliyyullah r.a. berpendapat tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan hukum orang yang bersembahyang dengan tidak menghadap qiblat kerana terlupa atau tersalah dalam usahanya menentukan arah qiblat di waktu malam yang gelap gelita misalnya. Bagi beliau sembahyang orang seperti ini adalah sah. Dia tidak perlu mengulangi sembahyang yang telah dikerjakannya setelah teringat atau mengetahui arah qiblat yang sebenarnya, sama

٣٨٧ - حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنٍ قَالَ حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ عَنْ حُمَيْدٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَافَقْتُ رَبِّي فِي ثَلَاثٍ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ اتَّخَذْنَا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى فَتَزَكْتُ (وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى) وَآيَةُ الْحِجَابِ قُلْتُ يَا

ada waktu sembahyang itu masih ada atau telah habis. Dalil beliau dalam masalah ini ialah perbuatan Nabi s.a.w. sendiri yang dikemukakan di dalam tajuk bab di atas, hadits no: 389 di bawah bab ini dan juga hadits no: 386 di bawah tajuk bab sebelum ini. Di dalamnya tersebut bahawa Rasulullah s.a.w. telah menghadap para ma'mum dengan membelakangi qiblat dan bercakap-cakap pula dengan mereka. Setelah mengetahui kesilapannya, Baginda s.a.w. menyambung kembali sembahyang yang belum sempurna dikerjakan lalu bersujud sahwi. Dlm peristiwa yang lain, setelah mengetahui kesilapannya melebihi raka'at, Baginda s.a.w. kembali menghadap qiblat lalu bersujud sahwi. Rasulullah s.a.w. tidak mengulangi semula sembahyang yang dikerjakan dengan tersilap itu. Apa yang dilakukan hanyalah kembali menghadap qiblat dan meneruskan sembahyangnya, kemudian bersujud sahwi. Ini menunjukkan Nabi s.a.w. tetap mengira dirinya masih berada dalam sembahyang walaupun telah membelakangi qiblat dan bercakap-cakap kerana terlupa. Daripada apa yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. itu dapat disimpulkan bahawa sembahyang seseorang tanpa menghadap qiblat dengan terlupa atau tersalah dalam menentukan arah qiblat adalah sah dan tidak perlu diulangi kembali. Para 'ulama' berbeza pendapat dalam masalah ini. Pecahan pendapat mereka adalah seperti berikut: (1) Zuhri, Hasan Bashri, Humaid bin 'Abdir Rahman, Thawus, al-Auzaa'i dan Malik mengatakan, orang yang yakin telah tersalah menghadap qiblat perlu mengulangi sembahyangnya sebelum waktu sesuatu sembahyang yang dikerjakannya habis. Kalau waktunya telah habis, tidak perlu lagi dia mengulanginya. (2) Syafi'e dalam qaul jadidnya berpendapat, orang yang yakin telah tersalah menghadap qiblat perlu mengulangi sembahyangnya secara mutlaq, sama ada waktu sembahyang itu masih ada atau telah habis. (3) Pendapat Sa'id bin Musayyab, Sya'bi, 'Athaa', Hammaad, Ibnu al-Mubaarak, Ishaq, Syafi'e dalam qaul qadimnya, al-Muzani, Abu Hanifah, ats-Tsauri dan 'ulama'-'ulama' Kufah ialah dia tidak perlu mengulangi semula sembahyang yang telah dikerjakannya. Inilah juga pendapat Bukhari dan jumhur 'ulama' r.a. (4) Pendapat Ahmad sama juga dengan pendapat golongan ketiga tetapi beliau mensyaratkan sembahyang yang dikerjakan itu mestilah semasa seseorang bermusafir (dalam perjalanan). (5) Sesetengah 'ulama' Hanafiyah berpendapat, perbuatan Nabi s.a.w. yang tersebut di dalam hadits itu tidak boleh dijadikan dalil dan hujjah kerana ia sudah dimansuhkan. Kata mereka memanglah diperingkat permulaannya, bercakap semasa bersembahyang tidak dilarang dan dima'afkan tetapi kemudiannya ia dimansukh. Maka termansukhlah juga bersama-samanya hukum tidak terbatal sembahyang kerana tidak menghadap qiblat kerana terlupa atau tersalah. Bagi mereka keadaan lupa dan ingat sama saja daripada segi hukumnya dalam perkara-perkara yang merupakan fardhu sembahyang atau perkara-perkara yang membatalkan sembahyang. Tajuk di atas mengikut kebanyakan 'ulama' mengandungi dua bahagian atau juzu' sahaja. Tetapi sebenarnya boleh juga ia dibahagikan kepada tiga juzu' seperti berikut: **Pertama:** Bab Tentang Qiblat. **Kedua:** Dan Orang Yang Berpendapat: "Orang Yang Terlupa Sehingga Bersembahyang Dengan Tidak Menghadap Ke Arah Qiblat, Tidak Perlu Mengulangi Sembahyangnya." **Ketiga:** Pernah Nabi S.A.W. Memberi Salam Pada Dua Raka'at Zuhur, Lalu Menghadap Ke Arah Orang Ramai (Para Ma'mum). Selepas Itu Baginda S.A.W. Menyempurnakan Sembahyangnya yang Tertinggal. Bagi Kirmaani juzu' pertama bererti: **باب مَا جَاءَ فِي الْقِبْلَةِ وَمَا يَتَعَلَّقُ بِهَا** (Bab Tentang Qiblat Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya). Juzu' kedua dan ketiga pula merupakan sebahagian daripada juz' iyyatnya. Maulana Zakariya di dalam Taqirir Bukharinya berkata: **باب مَا جَاءَ فِي الْقِبْلَةِ** yang dikemukakan oleh Bukhari di sini sama seperti tajuk **مسائل شتى** (Pelbagai masalah) di dalam sesetengah kitab. Biasanya **مسائل شتى** (Pelbagai masalah) terletak di akhir sesuatu bab. **وَمِنْ لَمْ يَرِ الْإِعَادَةُ عَلَى مَنْ مَنَّا** pula merupakan juz' iyyatnya. Oleh kerana masalah terlupa di dalam sembahyang adalah penting dan mempunyai banyak perselisihan pendapat tentangnya, maka Bukhari menyebutkannya secara khusus. Jika diperhatikan dengan saksama, anda akan mendapati bab ini adalah yang terakhir daripada bab-bab qiblat. Selepas bab ini bermulalah pula perbincangan tentang masjid. Oleh itu wajar sekali bab ini dikira sebagai tajuk **مسائل شتى** (Pelbagai masalah), memandangkan kandungan hadits-hadits di bawahnya adalah pelbagai. Namun ia tetap berkaitan dengan qiblat. Pada pandangan penulis juzu' pertama bab ini bermaksud menyatakan kepentingan dan kewajiban menghadap qiblat ketika bersembahyang. Juzu' kedua merupakan penjelasan kepada juzu' pertamanya iaitu walaupun menghadap qiblat ketika bersembahyang itu begitu penting dan wajib namun dalam keadaan seseorang terlupa atau tersalah dalam menentukan arah qiblat, sembahyangnya tetap sah. Juzu' ketiga pula merupakan contoh kepada da'waan Bukhari di dalam juzu' kedua dan sekali gus ia juga merupakan dalil kepada da'waannya itu. Juzu' ketiga ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada hadits Zil yadain yang akan dikemukakan oleh Bukhari secara terperinci di dalam bab sembahyang nanti. Da'waan Ibnu Batthaal dan Ibnu at-Tin bahawa hadits ini merupakan sebahagian daripada hadits Ibnu Mas'ud yang lalu iaitu hadits no:389 adalah suatu kekeliruan. Sebabnya ialah tidak tersebut di dalam mana-mana saluran riwayat daripada Ibnu Mas'ud bahawa Rasulullah s.a.w. telah memberi salam setelah mengerjakan dua raka'at sembahyang.

رَسُولُ اللَّهِ لَوْ أَمَرْتَ نِسَاءَكَ أَنْ يَحْتَجِبْنَ فَإِنَّهُ يُكَلِّمُهُنَّ الْبِرُّ وَالْفَاجِرُ فَتَزَلَّتْ آيَةُ الْحِجَابِ وَاجْتَمَعَ نِسَاءُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْغَيْرَةِ عَلَيْهِ فَقُلْتُ لَهُنَّ (عَسَى رَبُّهُ إِنْ طَلَّقَكُنَّ أَنْ يُدْلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُنَّ) فَتَزَلَّتْ هَذِهِ الْآيَةُ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَقَالَ ابْنُ أَبِي مَرْيَمَ أَخْبَرَنَا يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ قَالَ حَدَّثَنِي حُمَيْدٌ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا بِهَذَا

387- `Amar bin Aun meriwayatkan kepada kami, katanya: Husyaim meriwayatkan kepada kami daripada Humaid daripada Anas bin Malik, katanya: `Umar r.a mengatakan: "Pendapatku telah bertepatan dengan kehendak Tuhanku dalam tiga perkara.⁵²⁶ Aku pernah berkata: Wahai Rasulullah! Alangkah baiknya kalau kita menjadikan maqam Ibrahim itu sebagai tempat (garis) permulaan utk bersembahyang. Maka turunlah ayat ini: *وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى* Bermaksud: "Jadikanlah maqam Ibrahim itu sebagai tempat (permulaan utk) bersembahyang."⁵²⁷ Berhubung dengan ayat hijab, pernah aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w.! Alangkah baiknya kalau engkau suruh isteri-isterimu itu berhijab, kerana orang baik dan orang jahat semuanya boleh bercakap dengan mereka. Selepas itu turunlah ayat hijab.⁵²⁸ Isteri-isteri Nabi s.a.w. pernah berkumpul kerana

⁵²⁶ Maksudnya ialah beberapa perkara yang telah dikehendaki `Umar (di sini disebutkan tiga daripadanya), diperkenan oleh Allah dengan menurunkan ayat-ayat (hukum dan sebagainya) yang menyokong dan membenarkannya. Ketepatan dan kejutuan kehendak `Umar dengan kehendak Allah seperti ini dipanggil "Muafaqaat `Umar". Sesetengah 'ulama' menyenaraikan Muafaqaat `Umar hingga lima belas perkara sahaja. Tetapi Jalaluddin as-Suyuthi di dalam "Qathf Ats-Tsamar Fi Muafaqaat `Umar" menyenaraikannya lebih daripada dua puluh perkara. Tiga perkara yang disebutkan di dalam hadits di atas tidak menafikan perkara-perkara lain selebihnya kerana jumhur 'ulama' mengatakan: (1) "Mafhum 'adad tidak boleh dikira (dipakai) sebagai faktor penentu" (لا اعتبار لمفهوم العدد عند الجمهور). (2) "Mafhum 'adad bukan (مفهوم العدد يطرح) (إن مفهوم العدد ليس بحجة) hujjah". Dan "Mafhum 'adad diketepikan apabila ada nas (yang menyalahinya)" (مع وجود النص). Muafaqaat `Umar menjelaskan lagi maksud sabda Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan Ibnu `Umar ini: *إن الله جعل الحق على لسان عمر وقلبه* Bermaksud: Sesungguhnya Allah meletakkan kebenaran di atas lidah `Umar dan hatinya. (Hadits hasan ini diriwayatkan oleh Ahmad, Abu ya'la, al-Bazzaar, Ibnu Hibbaan, at-Tirmizi, Abu Daud, Thabaraani, `Abd bin Humaid dan lain-lain).

⁵²⁷ Ayat ini bersama terjemahan selengkapnya adalah seperti berikut:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْكَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمَّا وَاتَّخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنَّ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ
Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Kami menjadikan rumah suci (Baitillah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia dan tempat yang aman. Jadikanlah tempat bersembahyang bermula daripada maqam Ibrahim. Kami telah perintahkan kepada (Nabi) Ibrahim dan (Nabi) Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haraam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang Yang berthawaf, yang beri'tikaf, yang ruku' dan yang sujud". (Al-Baqarah: 125).

⁵²⁸ Ayat hijab ialah ayat berikut ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتَ النَّبِيِّ إِلَّا أَنْ يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَىٰ طَعَامٍ غَيْرَ نَبْظٍ عَلَيْهِ إِنَّهُ وَلَكِنْ إِذَا دُعِيتُمْ فَادْخُلُوا فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَانْصَبُوا وَلَا مُسْتَقْبِلِينَ لِحَدِيثٍ إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ يُؤْذَى النَّبِيَّ فَيَسْتَحْيِي مِنْكُمْ وَاللَّهُ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ وَمَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُؤْذُوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا أَنْ تُنَاجُوا أَزْوَاجَهُ مِنْ بَعْدِهِ أَبَدًا إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمًا

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah-rumah Nabi kecuali bila kamu diizinkan untuk makan dengan tidak menunggu-nunggu waktu masak (makanannya), tetapi jika kamu diundang maka masuklah dan bila kamu selesai makan, bersurailah tanpa asyik memperpanjang percakapan. Sesungguhnya yang demikian itu mengganggu Nabi tetapi dia malu kepadamu (untuk menyuruh kamu bersurai), sedang Allah tidak malu menerangkan kebenaran. Apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri- isteri Nabi), maka mintalah dari belakang

cemburu kepada baginda. Aku pun berkata kepada mereka: عَسَى رَبُّهُ إِنْ طَلَّقَنَّ أَنْ يُبْدِلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُمْ
 “Boleh jadi, jika dia (Nabi s.a.w.) menceraikan kamu, Tuhannya (Nabi s.a.w.) akan menggantikan kepadanya isteri-isteri yang lebih baik lagi daripada kamu....” Maka turunlah ayat ini selepas itu.⁵²⁹
 Abu ‘Abdillah (Imam Bukhari) berkata: Ibnu Abi Maryam meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Ayyub meriwayatkan kepada kami, katanya: Humaid meriwayatkan kepadaku, katanya: Aku mendengar Anas meriwayatkan hadits ini.⁵³⁰

٣٨٨ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ بَيْنَا النَّاسُ بِقُبَاءٍ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ إِذْ جَاءَهُمْ آتٍ فَقَالَ إِنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أُنْزِلَ عَلَيْهِ اللَّيْلَةُ قُرْآنٌ وَقَدْ أُمِرَ أَنْ يَسْتَقْبِلَ الْكَعْبَةَ فَاسْتَقْبِلُوهَا وَكَانَتْ وَجُوهُهُمْ إِلَى الشَّامِ فَاسْتَدَارُوا إِلَى الْكَعْبَةِ

388- ‘Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik bin Anas meriwayatkan kepada kami daripada ‘Abdillah bin Dinar daripada ‘Abdillah bin ‘Umar, katanya: “Ketika orang-orang di Quba’ sedang bersembahyang subuh, tiba-tiba mereka didatangi seseorang. Org itu berkata: “Sesungguhnya Qur’an telah diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. malam tadi, di mana baginda s.a.w. diperintahkan agar menghadap ke arah Ka’bah.⁵³¹ Oleh itu menghadaplah kamu ke

tabir. Cara yang demikian itu lebih suci bagi hatimu dan hati mereka. Kamu sama sekali tidak boleh menyakiti (hati) Rasulullah dan tidak (juga) boleh mengawini isteri-isterinya selama-lamanya sesudah dia wafat. Sesungguhnya perbuatan itu adalah Amat besar (dosanya) di sisi Allah. (Al-Ahzaab: 53).

⁵²⁹ Ayat ini selengkapnya ialah seperti berikut:

عَسَى رَبُّهُ إِنْ طَلَّقَنَّ أَنْ يُبْدِلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُمْ مُسْلِمَاتٍ مُؤْمِنَاتٍ قَدِيصَاتٍ زَانِجَاتٍ فَتَبَيَّنَ عَنِذَاتٍ سَبَّحْتَ قَبِيصَاتٍ وَأَنْكَرًا

Maksudnya: Boleh jadi, jika dia (Nabi s.a.w.) menceraikan kamu, Tuhannya akan menggantikan kepadanya isteri-isteri yang lebih baik lagi daripada kamu, yang patuh, yang ikhlas imannya, yang ta’at, yang bertaubat, yang tetap beribadat, yang berpuasa, yang janda dan yang perawan. (At-Tahrim:5).

⁵³⁰ Tujuan Imam Bukhari mengemukakan sanad Ibnu Abi Maryam (namanya ialah Sa’id bin Muhammad bin al-Hakam) di sini ialah supaya diketahui beberapa perkara berikut: (1) Bahawa Humaid memang telah mendengar hadits ini daripada Anas, kerana di dalamnya terdapat keterangan yang jelas tentangnya (التصريح بالسماع). (2) Walaupun Humaid seorang mudallis dan terkenal dengan banyak meriwayatkan hadits daripada Anas secara mursal, tetapi hadits ini tidak termasuk dalam senarai mursalaatnya. (3) Adanya Yahya bin Ayyub seorang perawi yang dipertikaikan dan dikatakan dha’if oleh sesetengah ‘ulama’ kerana kelemahan ingatannya di dalam sanad Ibnu Abi Maryam ini, menyebabkan beliau (Bukhari) mengemukakannya hanya secara ta’liq dan sebagai mutaaba’ah sahaja.

⁵³¹ Penggunaan perkataan Qur’an di sini merupakan majaz mursal (من باب إطلاق الكل وإرادة الجزء), kerana yang dimaksudkan ialah ayat al-Baqarah berikut ini:

قَدْ تَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ

Bermaksud: Sesungguhnya Kami melihat engkau (wahai Muhammad) berkali-kali menengadah ke langit, Sesungguhnya Kami akan memalingkan kamu ke qiblat yang kamu sukai. Oleh itu Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil al-Haraam. Dan dimana saja kamu berada, hadapkanlah mukamu ke arahnya. Sesungguhnya orang-orang

arahnya.” Mereka sebelum itu sedang menghadap ke arah Syam, (sebaik mendengar keterangan orang tadi) mereka terus berpusing ke arah Ka’bah.”⁵³²

٣٨٩ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ شُعْبَةَ عَنْ الْحَكَمِ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَلْقَمَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ خَمْسًا فَقَالُوا أَرِيدَ فِي الصَّلَاةِ قَالَ وَمَا ذَاكَ قَالُوا صَلَّيْتَ خَمْسًا فَتَنَى رَجُلِيهِ وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ

389- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Syu’bah daripada al-Hakam daripada Ibrahim daripada ‘Alqamah daripada ‘Abdillah, katanya: “Nabi s.a.w. pernah bersembahyang zohor lima raka’at.” Mereka pun bertanya: “Adakah (raka’at) sembahyang telah ditambah?” Nabi s.a.w. bertanya: Apa? Mereka menjelaskan: “Engkau telah bersembahyang lima raka’at”. Lantas Nabi s.a.w. melipatkan kakinya lalu bersujud dua kali.”⁵³³

(Yahudi dan Nasrani) yang diberi Al kitab (Taurat dan Injil) memang mengetahui, bahwa berpaling ke Masjidil Haram itu adalah benar dari Tuhan mereka; dan Allah sekali-kali tidak lalai dari apa yang mereka kerjakan. (Al-Baqarah:144).⁵³² Ini adalah peristiwa kedua di mana para sahabat berpusing dari arah Baitul Maqdis ke arah Ka’bah ketika mereka sedang bersembahyang di masjid. Kali pertama ialah pada hari pertama ayat perpalingan qiblat ke arah Ka’bah diturunkan. Peristiwa pertama telah berlaku di masjid Bani Haritsah seperti tersebut di dalam hadits no:384 yang lalu. Pada kali ini mereka berpusing ke arah Baitillah ketika bersembahyang ‘Ashar. Oleh kerana Qubaa’ terletak kira-kira tujuh kilometer dari Madinah, maka patutlah berita tentang perpalingan arah qiblat sampai kepada penduduknya agak lewat iaitu pada waktu subuh. Daripada hadits Baraa’ yang lalu telah dipastikan bahawa ayat perpalingan qiblat diturunkan di penghujung waktu siang atau di sebelah petang, tetapi di dalam hadits ini pula dikatakan ia diturunkan ‘malam tadi’. Mana satu daripada dua itu yang betul? Ada beberapa jawapannya. (1) Yang betulnya ialah ayat tentangnya turun pada waktu petang. Penggunaan perkataan ‘malam tadi’ di dalam hadits di atas tidak lebih daripada penggunaan secara majaz di mana waktu petang semalam yang diiringi oleh malamnya disebut sebagai malam juga. (2) Al-Baaji berkata: “Penyampai berita perpalingan arah qiblat kepada Bani ‘Amar bin ‘Auf di masjid Qubaa’ menyebutkan malam tadi adalah berdasarkan ma’lumat yang sampai kepadanya. Ada kemungkinan dia tidak mengetahui tentang turunnya ayat itu sebelum waktu malam. (3) Menurut az-Zarqaani, boleh jadi Nabi s.a.w. diperintahkan menghadap Ka’bah pada waktu siang atau petang melalui wahyu khafi (dalam bentuk hadits). Pada waktu malam pula diturunkan wahyu jali (berupa al-Qur’an) kepada Baginda s.a.w. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Perintah Allah kepada Nabi s.a.w. terkena juga kepada ummatnya kecuali ada dalil yang menunjukkan kekhususannya dengan Baginda s.a.w. (2) Sesuatu perbuatan Nabi s.a.w. wajib dituruti jika ada dalil menunjukkan kewajiban menurutinya. Jika tidak, ia mungkin menunjukkan sunat atau elok dilakukan. Semuanya bergantung kepada bukti-bukti atau petunjuk-petunjuk daripada dalil-dalil yang lain. (3) Cerita seseorang yang dipercayai harus diterima dan boleh dipakai. (4) Orang yang tidak bersembahyang boleh menegur kesilapan yang dilakukan oleh orang yang sedang bersembahyang sama ada daripada segi bacaan atau perbuatannya. (5) Mendengar kata-kata atau ucapan seseorang ketika kita sedang bersembahyang tidak menjejaskan sembahyang kita. (6) Para sahabat sudah pun menduga dan mengagak bahawa arah qiblat akan ditukar pada bila-bila masa saja, kerana itulah mereka dengan mudah menerima pemberitaan tentangnya dan dengan mudah juga melaksanakan apa yang diperintahkan. Seolah-olahnya mereka telah pun bersiap sedia untuk menghadapinya.

⁵³³ Kesesuaian hadits ini dengan tajuk bab di atas amat jelas kerana Rasulullah s.a.w. telah terlupa sehingga melebihi raka’at sembahyangnya dan dengan membelakangi qiblat Baginda s.a.w. telah bercakap-cakap pula dengan para sahabat. Pada akhirnya sembahyang Rasulullah s.a.w. telah selesai dan terputus dengan memberi salam dan membelakangi qiblat, tetapi apabila Baginda s.a.w. tidak mengulangi semula sembahyangnya malah menyambungnyanya terus dengan bersujud sahwi, dapatlah disimpulkan bahawa keadaan terlupa seperti itu tidak memutuskan sembahyang seseorang. Nabi s.a.w. sendiri tidak mengira sembahyangnya telah selesai atau terbatal dengan sebab terlupa dan membelakangi qiblat. Kalau sembahyang Baginda s.a.w. memang telah terbatal, kenapa disambungnyanya saja sembahyang itu?!

بَابُ حَكِّ الْبَرَأَقِ بِالْيَدِ مِنَ الْمَسْجِدِ

6- Bab Menanggalkan Ludah Dari Masjid Dengan Tangan.⁵³⁴

⁵³⁴ Daripada awal Bab Menghadap Qiblat hingga bab 5 sebelum ini Bukhari memperkatakan tentang qiblat dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Oleh kerana masjid adalah tempat khusus untuk sembahyang dan qiblat pula adalah perkara yang mesti diambil kira dalam pembinaan sesebuah masjid, maka Bukhari meneruskan pula perbincangan tentang masjid. Lima puluh lima bab seterusnya bermula daripada bab 6 ini hingga ke Bab Sutra semuanya adalah berkenaan dengan masjid. Bab 6 bertajuk: "Menanggalkan Ludah Dari Masjid Dengan Tangan", merupakan yang pertama daripada lima puluh lima bab itu. Secara kasarnya ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian. **Pertama:** Tentang perkara-perkara yang dikira salah atau tidak beradab dilakukan di dalam masjid. **Kedua:** Perkara-perkara yang boleh dan harus dilakukan di dalamnya. Memandangkan banyak sekali terdapat teguran-teguran keras dan ancaman-ancaman daripada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat utama baginda terhadap orang-orang yang melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sesuai di dalam masjid, lebih-lebih lagi dirasakan perlu kita mengetahui apa yang harus dan apa yang tidak harus dilakukan semasa kita berada di dalamnya. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: *من سمع رجلا يتشد ضالة في المسجد من سمع رجلا يتشد ضالة في المسجد فليقل لا ردها الله عليك فإن المساجد لم تبن لهذا* Bermaksud: Sesiapa mendengar (kebisingan) orang yang heboh mencari barangnya yang hilang di masjid, dia hendaklah berkata (sebagai doa): "Semoga Allah tidak mengembalikannya kepadamu." Sesungguhnya masjid-masjid itu tidak dibangunkan untuk (maksud) ini. (Muslim, Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain). Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda: *بيعت صاحب النخامة في القبلة يوم القيامة وهي في وجهه* Bermaksud: Orang yang mengahak ke arah qiblat (di dalam masjid) akan dibangkitkan pada hari kiamat nanti dalam keadaan kahaknya itu berada di mukanya. (Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan al-Bazzaar). Pernah sayyidina 'Umar melihat dua orang lelaki sedang bercakap dengan suara yang tinggi di dalam masjid Nabi s.a.w. Beliau terus berkata: *لو كنتم من أهل هذا البلد لأوجعتكما ضرباً* Bermaksud: Kalau kamu penduduk di sini, tentu aku belash kamu. (Bukhari, Baihaqi). Tiga contoh ini sudah cukup untuk menjustifikasikan tindakan Bukhari mengadakan sekian banyak bab tentang masjid. Di dalam tajuk bab di atas Imam Bukhari menambahkan perkataan "Dengan Tangan", padahal hadits di bawahnya yang dengan jelas menyebutkan dengan tangan hanya satu sahaja iaitu hadits no:390. Apakah maksud beliau dengan perkataan itu? Apakah seseorang dikehendaki menanggalkan ludah di dinding masjid misalnya secara langsung dengan tangannya? Atau dengan kata lain apakah perkataan itu bererti qaid ihtiraazi (قيد احترازي)? Ada beberapa pendapat 'ulama' berhubung dengan maksud Bukhari menambahkan perkataan ini. Antara lainnya ialah: (1) Hafiz Ibnu Hajar berpendapat perkataan "Dengan Tangan" di dalam tajuk bab ini bukan qaid ihtiraazi. Seseorang boleh menanggalkan ludah di masjid secara langsung dengan tangan atau lain-lain anggotanya atau dengan apa-apa benda (alat) sekalipun. Oleh kerana tangan merupakan anggota utama untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan sempurna maka disebutkan tangan secara khusus. (2) Al-Isma'ili berpendapat perkataan "Dengan Tangan" bererti melakukan sendiri perbuatan menanggalkan ludah itu, bukan dengan menyuruh orang itu dan orang ini. Ia sama sekali tidak bererti menyentuh ludah dengan tangan untuk menanggalkannya, kerana ia adalah sesuatu yang tidak munasabah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak munasabah juga Baginda s.a.w. menyuruh orang lain melakukannya. Justeru tersebut dengan jelas di dalam hadits yang diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud, Baihaqi, Ibnu Hibbaan dan lain-lain bahawa *فحكها بالرجون* (maka Rasulullah s.a.w. menanggalkannya dengan tandan pokok kurma). (3) Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri menjelaskan bahawa kadang-kadang Bukhari tidak memaksudkan sangat sesuatu bab yang dibuatnya kerana bab-bab itu ma'na dan maksudnya lebih kurang sama saja. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah riwayat-riwayat atau hadits-hadits yang dikemukakan di bawah bab-bab itu. Maka beliau sering kali membina sesuatu bab dengan mengambil kira kepelbagaian lafaz-lafaz hadits semata-mata. Tafannun seperti ini dilakukan oleh Bukhari pada banyak tempat di dalam kitab Sahihnya termasuk di dalam beberapa bab tentang masjid yang sedang dibicarakan ini. Tujuan kesemuanya sama iaitu menghilangkan perkara-perkara yang menjijikkan dari masjid walaupun ia tidak najis. Apa lagi kalau benda-benda yang terdapat di masjid itu memang najis. (4) Pandangan Syekhul hadits Maulana Muhammad Zakariya tentang bab ini dan bab selepasnya ialah Bukhari mahu membezakan di antara buzaaq (air ludah) dan mukhaath (hingus). Untuk menghilangkan air ludah, tangan sahaja sudah memadai tetapi untuk menghilangkan hingus, tangan sahaja tidak memadai. Oleh kerana hingus atau kahak lebih melekit sifatnya maka untuk menghilangkannya diperlukan sesuatu yang kasap seperti anak batu. (5) Pada pandangan penulis maksud Bukhari mengadakan bab-bab khusus tentang air ludah, hingus, kahak dan gelema di dalam masjid ialah untuk menyatakan bahawa walaupun benda-benda ini tidak najis tetapi ia adalah menjijikkan dan tidak sesuai dilontarkan sembarangan di dalam masjid terutamanya di sebelah qiblat. Secara isyaratnya ia juga boleh bererti meludah, berkahak, menyapu hingus ke dinding-dinding rumah, sekolah, pejabat atau tempat-tempat awam yang lain adalah suatu perbuatan yang tidak